

SULIT

PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK SPM

TAHUN 2011

MATA PELAJARAN

EKONOMI ASAS KERTAS 1

SATU JAM LIMA BELAS MINIT

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *jika anda hendak memukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak

1. Pilih perbezaan penyelesaian masalah asas ekonomi antara sistem ekonomi perancangan pusat dan sistem ekonomi campuran.

	Masalah Asas Ekonomi	Sistem Ekonomi Perancangan Pusat	Sistem Ekonomi Campuran
A	Apakah yang hendak dikeluarkan	Ditetapkan oleh pihak swasta	Ditetapkan oleh pihak swasta
B	Berapa hendak dikeluarkan	Ditetapkan oleh kerajaan	Ditentukan melalui mekanisme harga
C	Bagaimana hendak dikeluarkan	Kaedah pengeluaran yang memaksimumkan keuntungan	Kaedah pengeluaran yang memaksimumkan keuntungan
D	Untuk siapa hendak dikeluarkan	Barang diagihkan mengikut corak agihan pendapatan	Barang diagihkan mengikut corak agihan pendapatan

2. Jadual 1 menunjukkan hubungan kaedah pengeluaran dengan jumlah pengeluaran untuk barang X dan barang Y.

Kaedah Pengeluaran	Barang X (unit)	Barang Y
A	100	35
B	80	45
C	50	70

Jadual 1

Berapa unitkah barang X yang terpaksa dilepaskan untuk pengeluaran 70 unit barang Y jika firma terpaksa mengubah kaedah pengeluaran daripada kaedah B kepada kaedah C?

- A 25 unit
- B 35 unit
- C 30 unit
- D 50 unit

Masalah kekurangan sumber hasil menyebabkan unit ekonomi X terpaksa membuat pilihan.

3. Berdasarkan pernyataan di atas, pilihan yang dibuat oleh unit ekonomi X adalah bertujuan untuk memaksimumkan
- A keuntungan
 - B kebajikan masyarakat
 - C keselesaan masyarakat
 - D kepuasan
4. Antara berikut, yang manakah merupakan persamaan antara sistem ekonomi perancangan pusat dan sistem ekonomi campuran?
- A Harga barang ditentukan oleh mekanisme harga
 - B Wujud persaingan yang bebas antara pengeluar
 - C Pengeluar memaksimumkan keuntungan
 - D Mengutamakan kebajikan masyarakat
5. Apakah perbezaan antara keperluan dengan kehendak?

	Keperluan	Kehendak
A	Untuk keselesaan hidup	Untuk meneruskan kehidupan
B	Pelbagai pilihan barangan	Pilihan barangan terhad
C	Mempunyai barang pengganti	Tiada barang pengganti
D	Harga lebih stabil	Harga tidak stabil

6. Jadual berikut menunjukkan pendapatan Puan Yati dan harga purata barang pada bulan Februari dan Ogos tahun 2009.

Bulan	Pendapatan (RM)	Harga purata barang (RM)
Februari	2 120	106
Ogos	2 725	109

Berapakah upah benar Puan Yati pada bulan Februari dan Ogos?

	Upah benar (Februari)	Upah benar (Ogos)
A	20	25
B	25	20
C	12.8	10.2
D	10.2	12

[Lihat halaman sebelah]
SULIT

SULIT**3757/1**

7. Antara berikut, yang manakah pendapatan diterima tanpa memberi sumbangan dalam pengeluaran?

- I Pencen diterima oleh pesara tentera
- II Subsidi kerajaan kepada pekebun getah
- III Dividen diterima daripada saham amanah
- IV Keuntungan diperoleh oleh pengusaha restoran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

8. Butiran manakah merupakan pelepasan cukai pendapatan perseorangan?

- A Zakat
- B Perubatan ibu bapa
- C Premium insurans kenderaan
- D Bayaran ansuran bulanan rumah

9. Tentukan langkah penyediaan belanjawan peribadi mengikut urutan yang betul.

- I Mencatatkan semua perbelanjaan
 - II Mengenalpasti punca pendapatan
 - III Menyusun perbelanjaan mengikut keutamaan
 - IV Mengimbangkan anggaran pendapatan boleh guna dengan perbelanjaan
- A I, II, III dan IV
 - B I, III, II dan IV
 - C II, I, III dan IV
 - D II, III, I dan IV

SULIT

10. Encik Hong bekerja di sebuah syarikat dengan gaji RM2 500 sebulan. Beliau mempunyai dua orang anak yang bersekolah. Isterinya tidak bekerja. Dia juga mencarum RM240 sebulan kepada KWSP.

Jadual pendapatan cukai	
Diri sendiri	RM8 000
Isteri	RM3 000
Anak	RM1 000 seorang

Berdasarkan maklumat di atas, hitungkan pendapatan boleh cukai En. Hong.

- A RM15 120
 B RM16 760
 C RM17 760
 D RM14 120
11. Jadual di bawah menunjukkan permintaan perakam video digital dari bulan Januari hingga Mac 2011.


Bulan	Harga seunit (RM)	Jumlah Permintaan (unit)
Januari	2500	2 000
Februari	2200	3 000
Mac	2000	4 000

Hitungkan keanjalan harga permintaan perakam video digital apabila harga turun dari bulan Januari ke bulan Mac.

- A 0.1
 B 0.2
 C 2.5
 D 5.0
12. Mengapakah isi rumah perlu rasional dalam berbelanja?

- A Memenuhi pelaburan yang maksimum
 B Memenuhi tabungan yang maksimum
 C Memenuhi kepuasan yang maksimum
 D Memenuhi kehendak yang maksimum

[Lihat halaman sebelah]
 SULIT



13. Apakah faktor yang menyebabkan pergerakan dari titik Y ke titik Z?

- A Kenaikan harga barang lain
- B Kenaikan harga barang itu
- C Pendapatan pengguna berkurang
- D Pendapatan pengguna bertambah

14. Jadual menunjukkan kuantiti diminta suatu barang pada pelbagai tingkat harga. Antara yang berikut, yang manakah menerangkan hukum permintaan yang tepat?

	Harga (RM)		Kuantiti diminta (unit)	
	Asal	Baru	Asal	Baru
A	7	9	90	130
B	6	7	75	90
C	5	4	55	70
D	6	3	47	45

Soalan 15 berdasarkan perbualan di bawah.

Anak : Ayah, kenapa sekarang ini ramai pelanggan yang membeli motosikal?
 Ayah : Mereka membeli sekarang kerana dua hingga tiga bulan lagi harga motosikal akan naik.

15. Apakah faktor penentu permintaan yang dibincangkan antara anak dan ayah dalam perbualan di atas?

- A Harga barang lain
- B Pendapatan individu
- C Harga barang itu sendiri
- D Jangkaan harga masa depan

16. Puan Zaidah memerlukan ikan, tepung, mesin pengisar dan pekerja untuk membuat keropok. Apakah input tetap yang terlibat dalam proses tersebut?

- A Ikan, tepung dan mesin pengisar
- B Pekerja dan mesin pengisar
- C Ikan, tepung dan pekerja
- D Mesin pengisar

17. Jadual di bawah menunjukkan keluaran dan jumlah kos bagi sebuah firma.

Keluaran (Unit)	Jumlah Kos (RM)
0	90
1	180
2	280

Antara yang berikut, yang manakah benar berkaitan dengan firma tersebut?

- I Kos tetap firma sebanyak RM100
 - II Firma beroperasi dalam jangka pendek
 - III Kos sut pada unit keluaran kedua ialah RM100
 - IV Firma hanya menanggung kos berubah dalam keluarannya
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

18. Jadual dibawah menunjukkan peratus perubahan kuantiti yang ditawarkan dan peratus perubahan harga bagi barang Y dan barang Z

Barang	Peratus perubahan harga	Peratus perubahan kuantiti ditawarkan
Y	10	20
Z	30	15

Tentukan jenis keanjalan bagi kedua-dua barang tersebut.

	Barang Y	Barang Z
A	Anjal	Tidak anjal
B	Anjal	Anjal satu
C	Anjal satu	Tidak anjal
D	Tidak anjal	Anjal

[Lihat halaman sebelah]
SULIT

19. Antara langkah-langkah berikut, yang manakah tidak boleh dilakukan oleh firma untuk menambahkan *output* dalam jangka pendek?

- I Menambahkan saiz kilang
- II Menggunakan teknologi baru
- III Menambahkan bilangan pekerja
- IV Menambahkan bahan-bahan mentah


- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

20. Jadual di bawah menunjukkan permintaan dan penawaran terhadap buruh pada pelbagai tingkat upah.

Pada kadar upah manakah keseimbangan pasaran buruh dicapai?

Kadar upah (RM)	Kuantiti buruh diminta (orang)	Kuantiti buruh ditawarkan (orang)
30	69	35
40	48	48
50	35	57
60	26	69

- A RM 30
- B RM 40
- C RM 50
- D RM 60



21. Aliran manakah merupakan pendapatan yang diterima oleh Encik Shahmi?

- A Aliran I
- B Aliran II
- C Aliran III
- D Aliran IV

Soalan 22 berdasarkan perbualan di bawah



22. Pasaran dalam perbualan di atas sedang mengalami

- A Keseimbangan di pasaran faktor
- B Upah buruh yang murah di pasaran
- C Lebihan permintaan buruh di pasaran faktor
- D Lebihan penawaran buruh di pasaran faktor

[Lihat halaman sebelah]
SULIT

SULIT

Jadual di bawah menunjukkan penawaran barang X oleh Firma A dan Firma B

Harga (RM)	Kuantiti Dibayar Barang X (unit)	
	Firma A	Firma B
105	1067	1180
125	1560	1450
145	1890	1670
157	1958	1856

23. Jika keseimbangan pasaran berlaku pada tingkat harga RM145, permintaan pasaran ialah
- A 2247 unit
 - B 3010 unit
 - C 3560 unit
 - D 3814 unit

Soalan 24 berdasarkan petikan di bawah

Haji Imran Basri telah membeli sebuah peti sejuk berharga RM2 500 daripada Syarikat Ali. Beliau telah membayar RM500 sebagai pendahuluan. Bakinya dibayar secara ansuran selama 10 bulan.

24. Syarikat Ali bersetuju dengan cara pembayaran tersebut kerana
- A wang mempunyai nilai yang stabil
 - B wang merupakan alat pertukaran yang sah
 - C wang boleh digunakan untuk pembahagian nilai
 - D wang dapat mengatasi masalah keperluan dan kehendak serentak
25. Bagaimanakah kerajaan boleh menjayakan kempen inflasi sifar?
- A Menurunkan rizab tunai
 - B Menaikkan rizab berkanun
 - C Melonggarkan syarat sewa beli
 - D Membeli surat jaminan kerajaan

SULIT

Soalan 26 berdasarkan butiran di bawah

Syarat-syarat sewa beli	
Pinjaman maksimum	80%
Tempoh Kredit	5 tahun
Kadar faedah	7% setahun

26. Jika berlaku inflasi, apakah perubahan yang wajar dilakukan oleh bank pusat kepada syarat-syarat sewa beli di atas?

	Pinjaman maksimum	Tempoh kredit	Kadar faedah
A	70%	4 tahun	8%
B	70%	6 tahun	8%
C	90%	4 tahun	6%
D	90%	6 tahun	6%

27. Di antara individu berikut yang manakah diwajibkan mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja?

- A Encik Fauzan seorang penternak ayam
- B Encik Razif seorang operator pengeluaran
- C Encik Azmeer seorang pemilik kedai runcit
- D Puan Aleeza seorang wakil insurans sambilan

28. Antara yang berikut, yang manakah menerangkan ciri deposit semasa?

- I Deposit semasa merupakan wang sah
- II Pendeposit akan diberikan kemudahan overdraf
- III Pengeluaran wang tertakluk kepada tempoh masa tertentu
- IV Jumlah simpanan minimum adalah lebih tinggi daripada deposit tabungan

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

[Lihat halaman sebelah]
SULIT

Jadual di bawah menunjukkan kadar inflasi dan kadar pengangguran di sebuah Negara dari tahun 2005-2008.

Kadar Inflasi				Kadar Pengangguran			
Tahun				Tahun			
2005	2006	2007	2008	2005	2006	2007	2008
4%	2%	7%	4%	1%	6%	2%	2%

29. Bilakah kerajaan harus menambahkan peruntukan perbelanjaan dan mengurangkan kadar cukai?
- A 2005
B 2006
C 2007
D 2008
30. Antara yang berikut yang manakah merupakan perbelanjaan kerajaan yang terbesar dalam perbelanjaan mengurus.?
- A Emolumen
B Perkhidmatan ekonomi
C Bayaran khidmat hutang
D Bekalan dan perkhidmatan
31. Antara berikut yang manakah boleh dicatatkan ke Akaun Pindahan dalam Akaun Semasa Imbangan Pembayaran?
- I Hasil eksport barang dagangan
II Bayaran dari negara asing atas insurans yang digunakan
III Biasiswa kepada pelajar yang sedang menuntut di luar negara
IV Bantuan Malaysia kepada mangsa gempa bumi di Kobe, Jepun
- A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV
32. Apakah kesan ke atas kadar pertukaran wang Malaysia jika jumlah importnya meningkat berbanding dengan jumlah eksportnya?
- A Kadar pertukaran Malaysia akan meningkat
B Kadar pertukaran Malaysia akan menurun
C Kadar pertukaran Malaysia tidak berubah
D Kadar pertukaran Malaysia akan berubah-ubah

SULIT

33. Encik Zegger dari Amerika Syarikat ingin membeli sebuah kereta Proton Persona yang berharga RM38 000.

Jika kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia dan Dolar Amerika Syarikat ialah US\$1 = RM2.50, berapakah yang perlu dibayar untuk memperolehi kereta tersebut?

- A US\$15 200
- B US\$38 000
- C US\$95 000
- D US\$73 461

Soalan 34 dan Soalan 35 berdasarkan maklumat di bawah :

Imbangan Pembayaran Bagi Negara Y (RM juta)				
Butiran/Tahun	2007	2008	2009	2010
Imbangan dagangan	10 352	11 879	12 030	11 998
Imbangan perkhidmatan	-6 465	-12 929	-12 928	-10 783
Pindahan bersih	354	560	597	685
Modal bersih	5 000	7 000	8 500	11000

34. Antara butiran di atas yang manakah **tidak termasuk** dalam akaun semasa?

- A Modal bersih
- B Pindahan bersih
- C Imbangan dagangan
- D Imbangan perkhidmatan

35. Negara Y mengalami kurangan dalam akaun semasa pada tahun

- A 2007 dan 2009
- B 2008 dan 2009
- C 2008 dan 2010
- D 2009 dan 2010

[Lihat halaman sebelah]

SULIT

Untuk soalan 36 hingga soalan 40 anda dikehendaki memilih jawapan seperti dalam jadual di bawah :

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Salah	Salah
D	Betul	Betul

Contoh :

- I Permintaan ialah kesanggupan membeli barang dan perkhidmatan pada tingkat harga tertentu.
- II Kelok permintaan individu menunjukkan hubungan antara kuantiti dengan harga.

Untuk soalan contoh ini, jawapan yang betul ialah B kerana pernyataan I salah dan pernyataan II betul.

36. I Air merupakan barang ekonomi.
II Semakin banyak air yang diminum semakin banyak nilai faedah sut yang dinikmati oleh peminumnya.
37. I Dari sudut ilmu ekonomi orang kaya tidak pernah menghadapi masalah kekurangan.
II Orang kaya mampu memenuhi semua kehendaknya walaupun harganya mahal.
38. I Sektor perkilangan Malaysia kurang memproses bahan mentah tempatan.
II Industri perkilangan Malaysia memerlukan lebih banyak buruh mahir tempatan.
39. I Kecekapan bandingan ialah keupayaan sesebuah negara mengeluarkan suatu barang dengan kos lepas yang lebih rendah berbanding dengan rakan dagangnya.
II Kos lepas ditentukan oleh daya pengeluaran buruh dalam sesebuah negara.
40. I Penurunan kadar pertukaran ringgit di pasaran wang antarabangsa akan mengurangkan eskport Malaysia.
II Peningkatan kadar pertukaran ringgit di pasaran wang antarabangsa akan mengurangkan import Malaysia.

KERTAS SOALAN TAMAT